

SKIMA PERCUBAAN NEGERI JOHOR 2020

Skema kertas 1

BAHAGIAN A

- | | | | |
|------|-------|-------|-------|
| 1. D | 6. C | 11. A | 16. A |
| 2. C | 7. D | 12. B | 17. C |
| 3. C | 8. | 13. D | 18. D |
| 4. D | 9. D | 14. A | 19. B |
| 5. C | 10. D | 15. C | 20. C |

BAHAGIAN B

- | | | |
|-------------|--------------|--------------------------------|
| 21. KARAMAH | 26. AL-QURAN | 31. IJMAK |
| 22. NERAKA | 27. TAWAKKAL | 32. TERENCAT/LEMAH AKAL/ SAFIH |
| 23. ZAKAT | 28. KREATIF | 33. BANTU MEMBANTU |
| 24. KHULU' | 29. MAKSUM | 34. HORMAT MENGHORMATI |
| 25. QAZAF | 30. TAKZIR | 35. KEBEBASAN BERAGAMA |

36. KEBEBASAN MENCARI HARTA

37. BETUL

38. SALAH

39. SALAH

40. SALAH

SKEMA K2

1	a)	Pengertian beragama <ul style="list-style-type: none"> • Naluri semula jadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT 	[2 Markah]
	b)	i) Pengertian rasul <ul style="list-style-type: none"> - manusia lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu untuk dirinya dan dikehendaki menyampaikan kepada orang lain. 	[2 Markah]
		ii) Tiga peranan rasul <ul style="list-style-type: none"> • Menyeru manusia mentauhid dan menyembah Allah SWT • Mengajar dan menerangkan perkara-perkara ghaib • Menyampaikan berita gembira dan bertindak sebagai pemberi ingatan • Menyeru kepada perkara kebaikan dan membaikai akhlak manusia • Menyampaikan segala perintah dan larangan Allah SWT kepada manusia • Mengajar manusia cara beribadat dengan betul • Menunjukkan cara kehidupan Islam yang sebenar 	[6 Markah]
	c)	i) Pengertian insan <ul style="list-style-type: none"> - makhluk istimewa kerana boleh berfikir, boleh menerima ilmu pengetahuan dan berkehendak. 	[2 Markah]
		ii) Dua tanggungjawab insan terhadap Allah SWT <ul style="list-style-type: none"> • Menyembah Allah SWT • Mentaati suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya • Bersyukur atas rahmat-Nya dengan cara menggunakan nikmat-Nya dengan sebaik-baiknya • Sentiasa berzikir dengan memuji-muji dan menyebut nama Allah SWT sebagai tanda mengingati dan mengasihi-Nya • 	[4 Markah]
	d)		[4 Markah]

2	a)	<p>i) Pengertian Rabbaniyyah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT 	[2 Markah]
		<p>ii) Tiga prinsip Rabbaniyyah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT bukan ciptaan manusia • Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejihilan dan dorongan hawa nafsu. • Islam dan seluruh makhluk merupakan hak kepunyaan Allah SWT • Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup 	[6 Markah]
	b)	<p>i) dua prinsip Syumuliyyah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesempurnaan hanya milik Allah SWT • Semua makhluk yang hidup didunia ini terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu • Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi 	[4 Markah]
		<p>ii) Aspek syumuliyyah dalam konteks ekonomi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Islam menggariskan panduan bermuamalah dalam ekonomi dengan cara yang baik seperti tidak menindas, monopoli, manipulasi, makan riba dll. 	[2 Markah]
		<p>iii) Aspek syumuliyyah dalam konteks sosial:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Islam menggariskan peraturan dalam pergaulan, perhubungan antarabangsa, perkara halal dan haram, adab dalam peperangan dll. 	[2 Markah]
	c)		[4 Markah]

3	a)	<p>i) Pengertian negara Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadis serta ijтиhad yang benar. 	[2 Markah]
		<p>ii) empat prinsip negara Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Musyawarah (as-syura) • Keadilan (al-‘adalah) • Kebebasan (al-hurriyyah) • Persamaan (al-musawah) 	[4 Markah]
	b)	<p>Empat kelayakan seorang hakim</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT • Berilmu • Waras fikiran dan sentiasa tenang • Berwibawa dan dihormati • Bijaksana dan berpandangan jauh • Berani dan tegas 	[4 Markah]
	c)	<p>i) Pengertian sistem sosial Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pergaulan dan hubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan masing-masing yang dibina berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT. - 	[2 Markah]
		<p>ii) Dua kesan mengabaikan tanggungjawab sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbalahan dan perpecahan keluarga yang mengakibatkan terlerainya kasih sayang dan perhatian terhadap anak-anak • Gejala sosial dan kemungkaran berleluasa • Keharmonian, perpaduan, dan kesejahteraan masyarakat tergugat • Penyelewengan tanggungjawab dan amanah melalui amalan-amalan seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya • Sumber-sumber alam tidak dimanfaatkan untuk kemaslahatan sejagat, bahkan digunakan untuk kepentingan sendiri • Kemunduran negara dalam pelbagai aspek 	[4 Markah]
	d)		

4	a)	<p>i) kesan memperoleh harta secara haram kepada individu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harta tidak diberkati Allah SWT • Hidup tidak tenang dan sering ditimpa masalah • Diri disisih oleh masyarakat 	[2 Markah]
		<p>ii) dua cara membelanjakan harta terhadap keluarga menurut Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyara diri dan keluarga untuk pelbagai keperluan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan • Menafkahkan harta kepada orang-orang di bawah tanggungannya seperti ibu bapa atau kaum keluarga • Membelanjakan harta dengan berhemat seperti tidak melakukan pembaziran 	[4 Markah]
	b)	<p>i) maksud hak milik</p> <p>- sesuatu harta yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan seperti tanah, rumah, wang dll.</p>	[2 Markah]
		<p>ii) peraturan dalam pemilikan harta menurut Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harta yang dimiliki hendaklah dibelanjakan dengan cara yang berhemat dan tidak membazir • Menunaikan tuntutan dan kewajipan terhadap harta seperti menunaikan zakat setelah cukup syaratnya 	[4 Markah]
	c)	<p>Dua syarat pekerjaan menjadi ibadat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pekerjaan yang halal dan dibenarkan oleh syarak • Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang daripada melakukan ibadah kepada Allah SWT • Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam 	
	d)		[4 Markah]

5	a)	<p>i) Dua sumber utama perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Al-Quran • Al-Hadis 	[2 Markah]
		<p>ii) dua ciri keunggulan perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ciptaan allah SWT • Lengkap dan sesuai • Hukuman yang adil • Kekal hingga ke akhirat • Mendidik jiwa manusia • Memelihara keselamatan masyarakat dan negara • Hukuman bersifat memberi pengajaran • Ganjaran pahala untuk orang-orang yang mematuhi ajaran Islam 	[4 Markah]
	b)	<p>i) Pengertian Fikah</p> <ul style="list-style-type: none"> - kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil dari dalil-dalil syarak. <p>Contoh; bersentuh kulit antara lelaki dengan perempuan yang ajnabi membatakan wuduk menurut mazhab Syafi'i</p>	[2 Markah]
		<p>ii) kebaikan fatwa kepada umat masa kini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan umat Islam setiasa patuh kepada ajaran agama • Melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran • Mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan harmoni 	[4 Markah]
	c)	<p>Maksud hukum wajib ialah perintah Allah SWT yang mestilah dilaksanakan.</p> <p>Contohnya solat lima waktu, puasa bulan ramadhan, menutup aurat dan sebagainya.</p> <p>Maksud hukum haram ialah larangan Allh SWT yang mesti ditinggalkan.</p> <p>Contohnya minum arak, mencuri, berzina dll.</p>	[4 Markah]
	d)		[4 Markah]

6	a)	<p>i) definisi penyelesaian masalah</p> <ul style="list-style-type: none"> - menyelesaikan masalah manusia berdasarkan syariat Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan perundangan. 	[2 markah]
		<p>ii) dua keperluan menyelesaikan masalah menurut Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Islam agama yang lengkap dan sempurna meliputi semua aspek kehidupan manusia • Islam adalah agama yang memberikan balasan ke atas setiap perbuatan manusia sama ada di dunia dan di akhirat • Memberikan keadilan kepada manusia tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka • Mewujudkan perpaduan ummah 	[4 Markah]
	b)	<p>i) tingkah langkah penyelesaian masalah menurut Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti setiap masalah yang berlaku • Mengenal pasti punca masalah secara terperinci dan menyeluruh • Mengenal pasti kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah • Menguji dan mengaplikasi kaedah penyelesaian masalah • Melakukan penilaian semula 	[6 Markah]
		<p>ii) kesan penyelesaian masalah menurut Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meneguhkan keimanan dan ketakwaan • Memperkuuh keperibadian muslim • Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah 	[4 Markah]
	c)	dua tindakan yang harus diambil	[4 Markah]

7	a)	<p>i) Pengertian qisas</p> <ul style="list-style-type: none"> - hukuman yang ditetapkan oleh syarak melalui al-Quran dan al-Hadis kerana kesalahan yang melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa manusia. 	[2 Markah]
		<p>ii) Dua keistimewaan pelaksanaan hukum qisas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melindungi nyawa yang tidak berdosa contohnya hanya orang yang bersalah sahaja dihukum • Pembalasan yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan bertujuan menegakkan keadilan contohnya orang yang membunuh akan dijatuhkan hukuman bunuh • Menjamin keamanan dan ketenteraman hidup manusia supaya mencapai kebahagiaan hidup 	[4 Markah]
	b)	<p>Empat syarat sah muamalah secara Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan daripada kedua-dua belah pihak yang menjalankan transaksi ijab dan kabul • Pihak yang melakukan transaksi muamalah mestilah waras dan sempurna akal • Transaksi yang dilakukan mestilah bersih daripada unsur-unsur penipuan • Barang yang diperniagakan mestilah milik sah penjual 	[4 markah]
	c)	<p>i) maksud perpaduan ummah</p> <ul style="list-style-type: none"> - sebuah masyarakat yang hidup sayang-menayangi dan hormat-menghormati antara satu sama lain 	[2 Markah]
		<p>ii) dua cara mewujudkan perpaduan ummah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kepercayaan dan keyakinan kepada akidah yang sama iaitu kepercayaan kepada Allah SWT yang Esa • Meyakini persaudaraan dan perpaduan tidak dapat dipisahkan dengan keimanan kepada Allah SWT • Syariat Islam telah mewujudkan pelbagai peraturan seperti kewajipan berzakat dan sedekah • Islam mengharamkan perbuatan menyebarkan fitnah • Islam memerintahkan ummatnya supaya sentiasa bersifat toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain • Islam menyuruh ummatnya sentiasa menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran 	[4 Markah]
	d)		[4 Markah]